

From: Welcome Centre
Sent: Thursday, July 19, 2018 3:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: MASTI BUKTI PENTADBIR KEKAL TERBAIK



19 JULAI 2018 / 06 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MASTI BUKTI PENTADBIR KEKAL TERBAIK



ANJUNG TAMU ONLINE: Hari ini, peranan sebagai pentadbir atau pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional bukan akademik Universiti Awam (UA) semakin mencabar sebagai tulang belakang universiti sejajar dengan kesuburan pendidikan negara secara global.

Senada itu, bernaung di bawah payung Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam (MASTI), kumpulan pentadbir di Universiti Awam yang terdiri dari pelbagai skim perkhidmatan antaranya Pegawai Tadbir, Pegawai Penyelidik, Pegawai Penerbitan, Pegawai Kewangan, Pegawai Teknologi Maklumat dan sebagainya diseru supaya menyumbang tenaga dan idea dalam memastikan urusan tadbir UA cekap dan berkesan.

Dalam perkembangan yang sama, lawatan MASTI untuk Discover UUM dilihat sebagai platform untuk memperkukuhkan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada pentadbir sekaligus dapat bertukar-tukar pendapat bersama Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UUM (PERPATI).

Presiden MASTI, Azri Hohad tersenyum lebar setibanya di Welcome Centre bersama 40 delegasi MASTI yang disambut Presiden PERPATI, Mejar Mohamad Ezanee Yazid dan beberapa pegawai UUM.

Bahkan, suasana pagi nan permai tersebut menyelit seribu sorotan sejarah mengenai penubuhan MASTI di mana idea terhasil melalui satu resolusi konvensyen yang dinamakan Resolusi Sintok pada tahun 2000 di UUM. Seterusnya pada 27 Februari 2001 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) MASTI ditubuhkan.

Malah, informasi yang dimuatkan dalam taklimat umum tentang sejarah Sintok dapat membelai jiwa delegasi ketika lawatan ke Rumah Ibu, Rumah Tengah dan Loteng Welcome Centre.

Sementara itu, rata-rata delegasi MASTI turut menzahirkan ucapan terima kasih dan keterujaan berada dalam persekitaran kampus Sintok di rimba hijau.

Menurut Presiden MASTI,

“Terbaik!”

“Menarik!”

“Amat teruja dengan apa yang diperlihatkan!”

“Good luck Welcome Centre,” tambah beliau.

Hakikatnya, peranan pentadbir dalam menyokong pihak pengurusan universiti semakin melonjak sekaligus akan terus kekal signifikan dalam memperkasakan kedudukan universiti dan pendidikan tinggi yang diiktiraf di peringkat dunia.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.